

**Wakil Rakyat BN Mesti Berlaku Adil Kepada Semua Penyokong - James Masing Bernama
14 Januari, 2012**

BINTULU, 14 Jan (Bernama) -- Wakil-wakil rakyat Barisan Nasional (BN) mestilah berlaku adil ketika memberikan perkhidmatan kepada rakyat di kawasan masing-masing khususnya terhadap mereka yang bukan anggota parti komponen mereka.

Presiden Parti Rakyat Sarawak (PRS) Tan Sri Dr James Jemut Masing berkata beliau menerima aduan anggota parti yang mereka tidak diberi layanan saksama.

"Saya merujuk kepada anggota parti di kawasan Dewan Undangan Negeri Dudong yang menjadi sebahagian kawasan Parlimen Lanang dan diwakili Anggota Parlimen daripada Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP).

"Mereka telah mengadu kepada saya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi PRS di sini.

Masing berkata tindakan sedemikian boleh menjejaskan BN kerana penyokong BN kaum Dayak boleh memusuhi BN apabila tiba pilihan raya.

"Jika anda tidak meminggirkan mereka, mereka yang merupakan penyokong kuat BN akan sentiasa gembira untuk membantu anda kerana masyarakat Dayak sangat sedia membalas budi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Presiden PRS itu berkata BN akan terus berhadapan dengan isu pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar, yang menjadi cabaran utama parti pemerintah.

Masing turut meminta Kerajaan Persekutuan menunaikan janjinya kepada masyarakat Orang Ulu yang terjejas berikutan pelaksanaan Empangan Bakun yang bernilai RM7 bilion.

Katanya kerajaan berjanji untuk membiayai separuh daripada kos pembinaan rumah panjang baru di Skim Penempatan Semula Sungai Asap.

"Kerajaan negeri telah melaksanakan bahagiannya untuk membayar 50 peratus lagi kos berkenaan. Saya harap pembayaran akan dapat dilakukan sebelum pilihan raya Parlimen akan datang," katanya.

Menyentuh isu lain, Masing berkata satu mekanisme pembayaran mesti difikirkan kerajaan bagi program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) khususnya kepada rakyat di kawasan pedalaman.

"Bayaran itu (BR1M) sekali lagi adalah menerusi baucar sedangkan bayaran tunai adalah lebih sesuai.

"Ini akan menyebabkan rakyat, seperti yang tinggal di Long Busang, satu kawasan jauh di pedalaman Belaga, terpaksa membayar RM600 untuk kos pengangkutan bagi menunaikan bantuan berkenaan," kata beliau.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640098>